

08 JAN 2003

LAWATAN SEHARI SETIAUSAHA LUAR BRITAIN KE M'SIA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Setiausaha Negara Britain bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Jack Straw akan tiba di sini Jumaat ini bagi melakukan lawatan rasmi sehari.

Ia merupakan lawatan pertama Straw ke Malaysia sejak menjadi Setiausaha Luar pada Jun 2001, kata Suruhanjaya Tinggi Britain dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Straw dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau juga dijadualkan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai hubungan dua hala dan isu-isu antarabangsa termasuk peperangan menentang keganasan.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia Bruce Cleghorn berkata: "Pada ketika dunia berhadapan banyak isu yang merisaukan, lawatan Straw menunjukkan kerajaan Britain menganggap perundingan dengan Malaysia penting, iaitu sebagai peneraju negara Islam dan bakal Pengerusi NAM (Pergerakan Negara-negara Berkecuali) dan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam)."

-- BERNAMA

RZS ZS RM ROS